

08/08/1997

Rantaaian IKS Asean wajar contohi Jepun

Kadir Dikoh; Jamhariah Jaafar

HUBUNGAN rantaaian di antara syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dengan rakan firma gergasi di kebanyakan negara Asean masih lemah berbanding negara Asia Timur seperti Jepun dan Korea, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berikutan itu, Perdana Menteri menyarankan supaya IKS di negara Asean belajar daripada sesetengah negara Asia Timur terutama Jepun mengenai hubungan di antara industri kecil dengan kilang yang lebih besar dalam bidang yang sama.

Menurutnya, rantaaian itu penting bagi menjamin kekukuhan ekonomi berasaskan industri sebagai tambahan kepada penyediaan laluan pasaran selain peluang bagi pemindahan teknologi serta perkongsian kepakaran teknikal melampaui sempadan.

"Dalam kita melangkah ke alaf baru, IKS mesti mengambil dan memainkan fungsi yang lebih penting bagi memperluas dan memperkukuhkan ekonomi negara Asean dan Asia Timur.

"Permintaan terhadap langkah keanjalan pasaran perdagangan global dan ekonomi, menyediakan cabaran dan peluang untuk IKS," katanya merasmikan Forum Perniagaan Asean-Asia Timur di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur, semalam.

Menurut beliau, sebenarnya, tahap pembangunan ekonomi yang berbeza di antara Asean dan negara Asia Timur menyediakan peluang untuk memaju dan membentuk strategi bersama bagi mengeksploitasi keupayaan serta sumber yang ada.

Beliau juga berkata, ekonomi Asean dan Asia Timur sebagai sebuah wilayah adalah besar dari segi keluasan tanah, jumlah penduduk, sumber, pasaran dan juga potensi untuk berkembang.

Katanya, pada masa kini tahap pembangunan berbeza antara satu negara dengan negara lain dalam wilayah terbabit menyebabkan keutamaan serta keupayaan untuk mengalih ekonomi kepada pemain global yang kompetitif juga berbeza.

"Setiap satu memperjuangkan keutamaan masing-masing dan kadar pembangunan sedaya upaya dengan cara terbaik yang mereka tahu.

Bagaimanapun, jika dicampurkan bersama, wilayah ini boleh muncul sebagai kuasa daya saing terutama dengan potensi besar dalam ekonomi.

"Oleh itu, kerjasama dan kewujudan perikatan strategik, sama ada secara dua hala atau pelbagai hala amat diperlukan. Hanya dengan bekerjasama akan dapat mencapai pertumbuhan pesat dan mapan bagi rantau ini," katanya.

Beliau berkata, kerjasama ekonomi Asean bagaikan memberi sumbangan kepada kejayaannya tetapi dibandingkan dengan Kesatuan Eropah (EU), ia masih minimum dan apa yang terjadi ialah negara Asean cepat belajar antara satu dengan lain mengenai pembangunan ekonomi.

Menurutnya, kejayaan itu dicapai lebih kepada menerusi usaha individu walaupun persekitaran aman dan rundingan yang kerap kali dibuat, turut memberi sumbangan.

(END)